

03/09/1997

Tuduhan terhadap Anwar palsu: KPN

GEORGETOWN, Selasa - Siasatan polis menunjukkan segala tuduhan yang ditulis dalam surat layang mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah palsu, tegas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor.

Beliau berkata, polis menahan seorang lelaki dan wanita yang dipercayai menulis surat berkenaan dan kedua-dua mereka menafikan isi kandungan surat layang yang tersebar di kalangan orang ramai.

Menurutnya, ada dua surat yang ditulis iaitu surat pertama memburukkan Timbalan Perdana Menteri, manakala sepucuk lagi adalah penafian daripada penulis yang sama bahawa segala kandungan dalam surat pertama tidak benar.

Bagaimanapun, beberapa surat layang memburukkan Anwar yang tersebar tidak ditulis oleh mereka, tetapi ditulis dan disebar oleh pihak lain yang tidak bertanggungjawab.

"Polis menerima surat yang ditulis penulis terbabit yang meminta maaf kepada Anwar serta berasa kesal dengan tindakan mereka menulis surat berkenaan yang membawa kesusahan kepada banyak pihak", katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Kontinjen, di sini petang ini.

Menurut Rahim, polis mengenal pasti empat orang terbabit dalam penulisan dan penyebaran surat layang itu. Dua daripada mereka yang menulis surat itu sudah dibebaskan, manakala seorang bekas inspektor polis yang menyamar sebagai anggota cawangan khas masih ditahan.

"Bekas inspektor itu dipercayai digunakan oleh pihak tertentu yang bertanggungjawab menyebarkan surat layang berkenaan. Dia kini ditahan di Kuala Lumpur mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah dan jika siasatan membuktikannya terbabit, dia akan didakwa kerana menyamar sebagai pegawai polis", katanya.

Polis masih mencari seorang lagi lelaki berumur antara 30 hingga 40 tahun, iaitu rakan bekas inspektor berkenaan, kerana dipercayai turut terbabit dengan surat layang itu.

"Polis kini dalam peringkat akhir penyiasatan dan dua penulis surat yang ditahan itu mengaku bahawa isi kandungan surat itu palsu," katanya sambil menjelaskan kes itu akan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara tidak lama lagi untuk tindakan selanjutnya.

Isu surat layang memburukkan Anwar didedahkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Shah Alam akhir bulan lalu. Menurutnya, surat yang bermotifkan politik itu ditulis oleh pihak tertentu untuk mensabotaj dan menjatuhkan imej timbalannya apabila Anwar dilihat sebagai pemimpin yang akan menggantikannya. Sambil menegaskan tidak ada kebenaran dan sebarang bukti dalam surat itu, sebaliknya semata-mata fitnah, Perdana Menteri yakin ia tidak akan menjejaskan imej Anwar.

Rahim berkata, polis akan menggunakan semua pengakuan penulis dan surat layang itu sebagai sebahagian daripada bahan siasatan polis.

Mengenai motif surat itu, Rahim berkata, polis tidak dapat mendedahkannya, malah beliau sendiri tidak mahu memberikan pendapat berhubung perkara itu.

"Motif ini hanya Tuhan yang tahu, mungkin depan kita dia cakap lain, tetapi dia mempunyai motif yang lain. Jadi saya tidak mahu memberi pendapat berhubung motif," katanya.

Beliau meminta orang ramai yang mempunyai surat layang berkenaan agar menyerahkannya kepada polis supaya perkara itu tidak berpanjangan.

Menurutnya, dengan penjelasan itu, polis berharap tidak ada lagi fitnah yang dilemparkan melalui surat layang oleh pihak tertentu kepada pihak

lain.

(END)